

Pengarah Pendidikan  
Jabatan pendidikan Kelantan

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Sabah

Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Sarawak

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

Garis Panduan Pembinaan Bangunan Tambahan/Gantian  
Di Atas Tapak Sekolah Bantuan Kerajaan (Bantuan Modal)  
Oleh Pihak Tertentu (Bukan Kerajaan)

Dengan hormatnya perkara di atas adala dirujuk.


2. Sukacita dimaklumkan bahawa Garis Panduan Pembinaan Bangunan Tambahan/Gantian Di Atas Tapak Sekolah Bantuan Kerajaan (Bantuan Modal) Oleh Pihak tertentu (Bukan Kerajaan) telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Pengurusan Kementerian Pendidikan yang berlangsung pada 14 Januari 1998 (Rabu) yang lalu.

3. Sehubungan itu bersama ini disertakan sesalinan garis panduan tersebut untuk makluman dan tindakan pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

  
(DR. HAJI AZMI B. ZAKARIA)  
Pengarah

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- s.k:
1. Ketua Setiausaha
  2. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

# **Garis Panduan Pembinaan Bangunan Tambahan/Gantian Di Atas Tapak Sekolah Bantuan Kerajaan (Bantuan Modal) Oleh Pihak Tertentu (Bukan Kerajaan)**

1. **Disediakan Bersama Oleh**
  - a. **Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia**
  - b. **Bahagian Pembangunan, Penswastaan dan Bekalan Kementerian Pendidikan Malaysia**
2. **Tujuan**

Mewujudkan satu dasar bertulis yang perlu dipatuhi oleh semua pihak mengenai pembinaan bangunan tambahan/gantian di atas tapak Sekolah Bantuan Kerajaan (Bantuan Modal) oleh pihak tertentu (bukan kerajaan).
3. **Penjelasan Maksud**
  - 3.1 Menurut Akta Pendidikan 1996, "sekolah bantuan kerajaan" atau "institusi pendidikan bantuan kerajaan" ertinya sekolah atau institusi pendidikan yang menerima sumbangan modal dan sumbangan bantuan penuh (Seksyen 2, perenggan 37, Akta Pendidikan 1996)
  - 3.2 "Sumbangan bantuan" ertinya ialah apa-apa bayaran daripada wang awam, selain daripada sumbangan modal, yang dibuat kepada sesebuah institusi pendidikan (Seksyen 2, perenggan 47, Akta Pendidikan 1996).
  - 3.3 "Sumbangan modal" ertinya bayaran daripada wang awam kepada sesebuah institusi pendidikan bagi.
    - a. mengadakan bangunan;
    - b. pengubahan atau penambahan premis yang sedia ada;
    - c. mengadakan perabot atau kelengkapan bagi premis yang baru, diubah atau ditambah; atau
    - d. apa-apa maksud lain sebagaimana yang ditetapkan.(Seksyen 2, perenggan 48, Akta Pendidikan 1996)

- 3.4 Dari tafsiran yang terpakai pada masa ini, Sekolah Bantuan Kerajaan adalah terbahagi kepada 2 jenis iaitu:
- a. Sekolah yang menerima bantuan penuh  
Ini dimaksudkan kepada Sekolah Kerajaan Persekutuan sepenuhnya dari hakmilik tapak, Bangunan dan pentadbiran/perjalanan sekolah; dan
  - b. Sekolah yang menerima sumbangan (bantuan modal)  
Sekolah ini adalah sekolah yang dari segi tapak (tanah) dan bangunannya adalah bukan milik Kerajaan Persekutuan tetapi dimiliki oleh Lembaga Pengurus/Pengelola atau lain-lain pihak persendirian.

#### 4. Prosidur

- 4.1 Setiap permohonan/cadangan bagi membina sebarang bentuk bangunan tambahan/gantian di atas tapak Sekolah Bantuan Kerajaan (Bantuan Modal) seperti bangunan bilik darjah (menjadikan jumlahnya tidak melebihi 30 buah bagi sekolah rendah dan 36 buah bagi sekolah menengah) dan bilik khas, kantin, dewan dan sebagainya mestilah dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan, Penswastaan dan Bekalan, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).
- 4.2 Permohonan perlu disertakan dengan dokumen-dokumen berikut:
- a. brief projek;
  - b. pelan lokasi;
  - c. dokumen hak milik tanah;
  - d. keterangan pembiayaan kos projek;
  - e. keterangan sumber kewangan; dan
  - f. keterangan setuju serah bangunan.
- 4.3 Pihak sekolah perlulah memastikan bahawa kawasan sekolah sedia ada adalah mencukupi bagi pembinaan bangunan tambahan, yang tidak akan menjejaskan/mengganggu perancangan pembangunan sekolah pada masa hadapan.
- 4.4 Setelah mendapat kelulusan dari Bahagian Pembangunan, Penswastaan dan Bekalan, Kementerian Pendidikan, pentadbir sekolah perlulah mendapatkan kelulusan dari Majlis Berkuasa Tempatan/Majlis Daerah. Semua pelan yang terlibat dalam pembinaan projek tersebut (mengikut brief yang telah diluluskan

oleh JPN) perlulah dikemukakan kepada Majlis Berkuasa Tempatan/Majlis Daerah bagi mendapatkan kelulusan pelan.

- 4 5 Selepas mendapat kelulusan pelan dari Majlis Berkuasa Tempatan/Majlis Daerah, pihak sekolah baharulah boleh menguruskan bagi mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi untuk kos pembinaan bangunan. Pihak yang membina bangunan mestilah mempunyai kemampuan menjelaskan sebarang bayaran bangunan.
- 4 6 Sesalinan kelulusan dari Majlis Tempatan/Majlis Daerah hendaklah dipanjangkan ke JPN sebelum sebarang kerja pembinaan bangunan dimulakan. Pihak sekolah perlulah menghantar laporan ke JPN dengan menyatakan:
  - a. kontrak tender;
  - b. surat setuju terima;
  - c. bon jaminan;
  - d. pelan skematik dan pelan susunatur;
  - e. maklumat kontraktor; dan
  - f. carta Gantt projek.
- 4 7 Pembinaan bangunan oleh kontraktor perlulah mengambilkira dan memberi keutamaan terhadap keselamatan pelajar, guru dan kakitangan serta harta benda sekolah semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan.
- 4 8 Selepas bangunan tersebut siap dibina, pihak sekolah perlulah mengemukakan laporan kepada JPN dengan menyatakan:
  - a. kos sebenar;
  - b. tarikh serahan;
  - c. strategi perpindahan; dan
  - d. tempoh kecacatan.
- 4 9 Bangunan yang telah siap dibina hendaklah diserahkan kepada pihak sekolah/JPN untuk diuruskan oleh pihak sekolah apabila telah disahkan boleh digunapakai. Ini juga adalah bagi mendapatkan kelulusan bekalan guru jika bangunan tersebut mengandungi bilik darjah tambahan.
- 4 10 Pihak sekolah dikehendaki mematuhi arahan-arahan dan syarat-syarat yang dinyatakan/ditetapkan oleh JPN dan semasa ke semasa.